

Kerajaan kaji isu kuota matrikulasi - Tun Mahathir



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersalaman dengan sebahagian Tok Batin selepas merasmikan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 Memartabatkan Hak Orang Asli di Putrajaya. semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUF

PUTRAJAYA 22 April - Kerajaan akan mengkaji isu pemansuhan kuota program matrikulasi yang mengutamakan pelajar-pelajar bumiputera, kata Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

“Kita akan kaji permasalahan ini,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 Memartabatkan Hak Orang Asli di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Seorang pemimpin DAP hari ini dilaporkan mendesak kerajaan agar menghentikan amalan mengutamakan pelajar-pelajar bumiputera dalam program matrikulasi.

Pengarah Biro Hal Ehwal Universiti Pemuda Sosialis DAP (DAPSY), Leong Yu Shen dilaporkan sebagai berkata, amalan terbabit bertentangan dengan jaminan Perlembagaan Persekutuan untuk tidak mendiskriminasi rakyat.

Semalam, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Amin Senin

berkata, cadangan bagi penambahan kuota bukan bumiputera bagi program matrikulasi akan dibawa ke mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Beliau berkata, isu berkenaan akan dibangkitkan Menteri Pendidikan untuk perhatian Kabinet bagi keputusan sewajarnya.

Kementerian Pendidikan sebelum ini dilaporkan memberitahu, penawaran 2,200 dan 1,000 tempat kepada pelajar berketurunan India dan Cina dalam Program Matrikulasi adalah inisiatif secara ‘one-off’ bagi tahun lalu.

Kementerian itu menjelaskan, perkara itu berdasarkan kepada keperluan semasa dan melibatkan kekosongan kuota bumiputera yang tidak diisi.

“Dasar pengambilan program matrikulasi masih mengekalkan 90 peratus tempat kepada bumiputera dan 10 peratus tempat kepada bukan bumiputera berdasarkan meritokrasi,” jelas Kementerian Pendidikan.